

UMS tempah kejayaan dalam Borneo Hornbill Festival

UB 22.07.2012 B18

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berjaya meraih tempat ketiga menerusi penyertaan buat julung kalinya dalam Borneo Hornbill Festival 2012 yang telah berlangsung di Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang Kuala Lumpur baru-baru ini.

UMS melalui Bahagian

Kebudayaan dan Kesenian telah menghantar seramai sepuluh pelajar daripada kelab Cul'Art yang terdiri pelajar dari pelbagai jurusan.

Di bawah bimbingan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian UMS, kelab itu bergiat aktif dalam seni budaya dan seterusnya menyertai Pertandingan Tarian Etnik Borneo dalam

Borneo Hornbill Festival 2012 itu.

Kejayaan mereka diraih menerusi persembahan tarian etnik Dusun Tabilong dan Tarian Rampaian Bajau Kuda Pasu dan Limbai. Pasukan dari Kementerian Pertahanan Malaysia bagi kumpulan A dinobatkan sebagai johan pertandingan, naib johan dimenangi oleh

Kementerian Pertahanan Malaysia kumpulan B.

Para peserta pertandingan telah diadili oleh juri yang berpengalaman dari segi tarian kebudayaan, yang terdiri daripada Prof Ainis

dari Universiti Malaya, Barat Engkang dari Istana Budaya, Shafirul dari DBKL dan Yusuf dari Persatuan Warisan Sarawak dan Sabah.

Borneo Hornbill Festival 2012 merupakan sebuah

program yang telah dimulakan pada September 2009 yang memaparkan kepelbagaiannya budaya, etnik dan tradisi masyarakat Sabah dan Sarawak di Semenanjung Malaysia.

Selain Pertandingan Tarian Etnik Borneo, terdapat kategori lain telah dipertandingkan, antaranya pertandingan kumang/keeling dan pertandingan runduk tadau.



KELAB Cul'Art mempersembahkan Tarian Rampaian Bajau Kuda Pasu dan Limbai.

KELAB Cul'Art diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga bagi Pertandingan Tarian Etnik Borneo.